

Siaran langsung perhimpunan tunjuk keterbukaan UMNO

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Langkah menyiarkan secara langsung Perhimpunan Agung UMNO menunjukkan UMNO boleh bersikap terbuka, kata Ketua Penerangannya, **Senator Tan Sri Muhammad Muhd. Taib**.

Beliau berkata, langkah itu sebenarnya telah lama dibuat melalui Internet dan dapat disaksikan oleh jutaan orang di seluruh dunia.

"Tetapi tahun ini, kali pertama siaran langsung melalui televisyen (Astro). Tentulah ada di kalangan penonton yang tidak pernah mendengar ucapan (perwakilan) sebegini.

"Masyarakat harus memahami tentang aspirasi yang disampaikan oleh jurucakap-jurucakap itu terdiri daripada orang baru dan lama.

"Dalam ucapan itu tentu ada yang dirasakan keterlaluan, tetapi pandangan mereka tidak mewakili UMNO," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau diminta mengulas kewajaran mengadakan siaran langsung Perhimpunan Agung UMNO, berikutan terdapat sesete-

ngah pihak yang merasakan langkah itu tidak wajar kerana terhadap pandangan yang mengganggu.

Semalam, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Majlis Tertinggi (MT) akan melihat dengan serius kewajaran mengadakan siaran langsung sepanjang perhimpunan agung itu pada masa akan datang.

Katanya, ini kerana terdapat sesetengah pihak yang merasakan bahawa langkah menyiarkannya secara langsung adalah tidak wajar kerana terdapat pandangan yang 'mengganggu.'

Muhammad berkata, beliau percaya sekiranya tindakan serupa dibuat oleh parti lain seperti MCA dan Gerakan, sudah pasti wujud pandangan keterlaluan yang menyentuh sensitiviti orang Melayu.

"Apa yang UMNO buat atas dasar tanggungjawab dan keterbukaan. Kita kena faham, daripada berbincang secara tertutup

UMNO bersikap terbuka, biar orang lain tahu ada hadnya terhadap segala desakan yang dibuat. Kita ada perasaan dan memahami hak kita, pada masa sama bertimbang rasa terhadap pihak lain," katanya.

Sehubungan itu kata beliau, biarlah MT yang memutuskan kelak sama ada langkah menyiarkan secara langsung Perhimpunan Agung UMNO adalah wajar dan patut diteruskan atau sebaliknya.

Sementara itu, ahli MT, **Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik** berpendapat, sepa-

tutnya hanya ucapan penggulungan Presiden dan Timbalan Presiden parti yang disiarkan secara langsung kerana ia telah memutuskan semua isu yang dibincangkan pada Perhimpunan Agung UMNO.

"Sekiranya siaran langsung melibatkan semua perbahasan, ia tidak wajar kerana dalam konteks UMNO, MCA mahupun Gerakan, perbahasan perwakilan mewakili suara dan

hasrat serta pandangan akar umbi.

"Tentu boleh dijangka perkara-perkara yang akan dibawa. Kadang-kadang ia tidak berasaskan maklumat komprehensif dan tidak tepat. Perdebatan pula dibuat secara emosional dan agresif sehingga menyentuh perasaan kaum lain.

"Walaupun sejauh mana ekstrem dan emosionalnya pandangan yang diberikan, yang patut diterima pakai ialah penggulungan Presiden dan Timbalan Presiden kerana ia lebih berasas serta mewakili pendirian sebarang parti," katanya.

Seorang lagi ahli MT, **Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis** pula berkata, pucuk pimpinan parti sudah pasti akan mengahului semua pandangan sebelum membuat sebarang keputusan mengenainya.

"MT akan membincangkan perkara ini, jadi kita sedang meninjau maklum balas daripada orang ramai, ahli-ahli UMNO, perwakilan dan juga kesannya kepada parti-parti komponen.

"Kita masih ada masa untuk membincangkan perkara itu kerana perhimpunan agung akan datang hanya pada tahun depan," tambah beliau yang juga Menteri Sains Teknologi dan Inovasi.

UM - 23/11/2006